

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 50

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan langkah yang telah diambil untuk
dokter "housemanship" dan berapa lamakah tempoh menunggu,
adakah proses ini akan dipercepatkan

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tempoh masa menunggu semasa bagi graduan perubatan buat masa ini adalah 7 hingga 11 bulan. Tempoh masa menunggu bagi graduan perubatan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti berikut:

1. Terdapat peningkatan keluaran graduan perubatan dari dalam dan luar negara yang dianggarkan sebanyak 5,000 hingga 6,000 orang setahun. Pada masa ini, slot latihan siswazah semasa di KKM adalah sebanyak 12,033 slot. Pengisian slot latihan adalah di tahap optimum yang melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang sedang menjalani latihan siswazah. KKM membuat pengambilan PPS setiap 2 bulan (6 kali setahun).

Sehingga Februari 2019, seramai 4,431 graduan perubatan (keluaran Julai 2018 ke atas) yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) masih belum mendapat tempat untuk menjalani latihan siswazah. Seramai 2,484 calon akan dilantik secara berperingkat pada tahun ini.

1. Hanya seramai 67.1% PPS sahaja yang berjaya menamatkan latihan siswazah dalam tempoh 2 tahun, manakala baki 32.9% PPS lagi mengambil masa yang lebih lama mengakibatkan berlakunya *backlog* (dengan izin) kerana slot-slot latihan sedia ada mengambil masa yang lebih lama untuk dikosongkan.

KKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan dan memendekkan tempoh masa menunggu bagi menjalani latihan siswazah iaitu:

1. Perubahan dasar pelantikan graduan perubatan daripada pelantikan secara tetap kepada pelantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Dengan perubahan tersebut, penempatan boleh dibuat tanpa perlu lagi bergantung kepada kekosongan jawatan tetap dan peruntukan kewangan tetapi hanya bergantung kepada

keupayaan KKM untuk menyediakan dan menambah slot latihan dari semasa ke semasa;

2. Meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah termasuklah menyediakan alternatif slot latihan di Klinik Kesihatan untuk tujuan latihan;
3. Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada Pegawai Perubatan Siswazah berkenaan;
4. Mengadakan perbincangan dengan Hospital Universiti bagi menambah slot latihan;
5. Melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun sehingga 2021 bagi mengawal bilangan keluaran graduan perubatan; dan
6. Meningkatkan kecekapan pengurusan latihan siswazah termasuk melaksanakan penilaian berterusan bagi memastikan Pegawai Perubatan Siswazah menamatkan latihan siswazah dalam tempoh yang ditetapkan.

Dengan pelaksanaan inisiatif tersebut, adalah diharapkan tempoh masa menunggu bagi latihan siswazah dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.